



MEMO

**PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC)
BATU PAHAT, JOHOR DARUL TA'ZIM
JABATAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Ruj Fail : ADTEC/BP/700- 1/1 Jld.4 ()

Tarikh : 29.11.2022.

| | | |
|-----------------|---|---|
| PERKARA | PANDUAN AKTIVITI SURAU BAGI PELAJAR BERAGAMA ISLAM DI SURAU AN'NUR ADTEC BATU PAHAT, JOHOR | |
| DARIPADA | PENGARAH | SALINAN : 1. TP(L) 2. TP(O) 3. Pen. Pegawai Tadbir 4. Pen. Pengurus Asrama 5. Ketua Warden / Warden 6. MPP |
| KEPADA | SEMUA PELAJAR ADTEC BATU PAHAT SEMUA PELAJAR CSC ADTEC BATU PAHAT | |

Saudara/i

Dengan hormatnya memaklumkan bahawa perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan panduan aktiviti surau bagi pelajar beragama Islam yang menduduki asrama di ADTEC Batu Pahat, Johor. Panduan ini akan digunakan berkuatkuasa 4 Disember 2022.

3. Kerjasama dan tindakan saudara/i amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

' Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara '

Saya yang menandatangani amanah,


.....
(Ts. HJ. SARMAN BIN HJ. RAWAN)

**PANDUAN AKTIVITI SURAU BAGI PELAJAR BERAGAMA ISLAM
SURAU AN'NUR ADTEC BATU PAHAT, JOHOR**

1. Semua pelajar beragama Islam **DIWAJIBKAN** untuk solat berjemaah di surau pada setiap waktu solat fardhu.

2. **Kehadiran pelajar** akan diambil untuk aktiviti surau yang dianjurkan oleh BPPL pada setiap malam Isnin dan Rabu. Kehadiran adalah **WAJIB**. Pengisian aktiviti surau pada hari tersebut adalah seperti berikut :
 - Solat berjemaah fardhu Maghrib dan Isyaaq
 - Ceramah agama atau;
 - Bacaan Yassin

3. Pelajar yang **GAGAL HADIR** ke aktiviti surau boleh dikenakan tindakan tatatertib.

4. Bagi memberi laluan kepada persediaan pelajar ke surau, masa bersukan bagi semua pelajar beragama Islam **dihadkan sehingga jam 6.30 petang**. Dewan makan akan di buka untuk **makan malam** bermula jam **6.00 – 7.00 petang**.

5. **SOLAT JUMAAT** adalah **WAJIB** kepada semua pelajar **lelaki ISLAM** yang berada di asrama ADTEC Batu Pahat pada hari tersebut. Lawatan mengejut (*spotcheck*) akan dilakukan dari bilik ke bilik.

**Arahan Pihak Pentadbiran Institut
Tarikh Kuatkuasa : 4 Disember 2022**

Rujukan :
Buku Peraturan Tatatertib Pelajar (ILJTM) 2016